



PERBADANAN ISLAM JOHOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Perbadanan Islam Johor bagi jawatan berikut:-

1. **NAMA JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**
- | | |
|--------------------------|--|
| Taraf Jawatan | : KONTRAK |
| Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : Perkhidmatan Pentadbiran & Sokongan |
| Gred Jawatan/Gaji | : N29 |
| Jadual Gaji | : RM 1,493.00 – RM5,672.00 |
| Lain-lain Imbuhan | : Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM 160.00 |
| | : Imbuhan Tetap Perumahan : RM 300.00 |
| | : Elaun Sara Hidup : RM 300.00 |

SYARAT LANTIKAN :-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki;
- c. (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,493.00); **atau**
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00); **atau**
- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95)
- (iv)Keutamaan kepada yang memiliki sijil/diploma berkaitan kewangan

SYARAT TAMBAHAN :-

a. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

b. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkaitan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

c. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

d. LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkaitan.

3. SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari masa ke semasa.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 MEI 2018

5. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

Permohonan hendaklah menggunakan **Borang PJPIJ** yang asal yang boleh didapati dengan mengemukakan sampul surat berukuran 10cm x 23cm yang beralamat sendiri dan bersetem RM1.00 atau mengambil sendiri di Perbadanan Islam Johor atau layari laman web. **www.pij.gov.my**. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang bekhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab A Bil. 21 dan pastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang kemaskini disertakan bersama-sama. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan **salinan diakui sah**. Dokumen-dokumen seperti berikut :

- i) Sijil Kelahiran
- ii) Kad Pengenalan
- iii) Sijil Persekolahan/Diploma/Ijazah/Berhenti Sekolah
- iv) Lain-lain Surat Akuan

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat :-

**Perbadanan Islam Johor
T3-1, Bangunan PIJ
26C, Jalan Rebana, Kebun Teh
80250 Johor Bahru**

Sebelum atau pada : 15 MEI 2018

CATATAN AM :

- a) Sila nyatakan Jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat pemohon.
- b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- d) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.